

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA MINDEX

TEMPAT: HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 16 AUG 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Rekabentuk dan Rekacipta Malaysia (MINDS) kerana menjemput saya ke majlis makan malam ini sempena pamerannya yang kelima, iaitu MINDEX '93. Tahniah kepada MINDS atas daya usahanya untuk meningkatkan kefahaman dan penggunaan kaedah sains dan teknologi dengan cara yang paling praktikal.

2. Kita harus sedar bahawa dalam usaha kita ke arah menjadi sebuah negara maju, adalah penting kita menggalakkan cara pemikiran yang lebih saintifik dan inovatif. Di samping itu, kita juga perlu menggalakkan usaha-usaha yang lebih pragmatik dalam menjadikan amalan sains dan teknologi sebagai satu pendekatan yang lumrah di kalangan masyarakat Malaysia.

3. Dalam dua dekad yang lepas, kita telah melihat bagaimana pemindahan teknologi telah menjadikan negara kita sebagai salah sebuah negara membangun yang paling maju di dunia. Daripada sebuah negara yang bergantung kepada eksport komoditi asli, kini 'manufacturing industries' merupakan kegiatan ekonomi negara yang penting. Melalui pemindahan teknologi, kita kini telah menjadi antara negara pengeksport bahan-bahan komponen dan barang-barang buatan elektrik yang terkemuka. Kita juga telah berjaya mengeksport kereta rekaan dan buatan kita ke luar negeri.

4. Kita tentu maklum bahawa pemindahan teknologi sahaja tidak memadai jika kita ingin menjadikan Wawasan 2020 satu kenyataan. Untuk ini kita perlu tahu bagaimana memanfaatkan teknologi ini dalam perusahaan milik kita sendiri. Lebih daripada itu kita perlu tahu bagaimana menggunakan teknologi yang diperolehi untuk aplikasi yang baru atau membuat lain-lain inovasi dan 'improvement'. Akhirnya kita akan dapat mencipta teknologi dan rekaan yang betul-betul tulen atau asli. Apabila kita sampai ke tahap ini maka kita akan benar-benar menjadi negara maju.

5. Bangsa yang ingin maju perlu mengkaji dan menyoal semua perkara yang sedang dibuat atau diterima untuk mencari cara-cara baru yang lebih baik atau bentuk yang lebih sesuai dengan alam dan pemikiran semasa. Sebab itulah kereta umpamanya, bertukar rupa dan memiliki kekuatan atau fungsi

mekanikal atau elektronik yang lebih canggih setiap tahun. Tidak akan ada keadaan yang mana sesuatu barangan sudah begitu 'perfect' sehingga tidak boleh diperbaiki lagi.

6. Dalam hubungan ini, segala usaha harus digabungkan untuk terus meningkatkan pembangunan teknologi kita supaya selaras dengan pembangunan ekonomi yang sedang dilalui sekarang. Semua kerja Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) tidak seharusnya terhad kepada teknologi tinggi sahaja tetapi hendaklah lebih menyeluruh, iaitu di semua peringkat pengeluaran. Inovasi dalam teknologi pengeluaran amat berkesan dalam semua perusahaan dan perlu diberi perhatian setiap masa. Di sini pekerja biasa pun boleh memberi sumbangan.

7. R&D harus dilaksanakan selaras dengan permintaan pasaran baik dari dalam mahupun luar negeri. Ini akan lebih menguntungkan kita. Tidak ada gunanya jika sesuatu barangan atau teknologi itu dihasilkan jika ia gagal memenuhi keperluan pihak yang perlu menggunakannya. Cara-cara untuk 'commercialise' satu-satu rekacipta hasil daripada R&D hendaklah dijadikan satu daripada kecekapan pengurusan supaya ianya tidak menjadi sia-sia atau menjadi satu 'academic exercise' sahaja.

8. Rekabentuk keluaran industri juga perlu diambilkira. Buat masa ini kita masih lemah dalam bidang ini. Walaupun Malaysia kini telahpun mengeksport barangan yang telah siap, tetapi kita belum lagi merekacipta barangan kita yang boleh dikaitkan dengan identiti diri kita. Di sini kecekapan membuat prototaip amatlah penting. Prototaip yang tidak menarik dan dibuat secara kasar akan menghadapi masalah kurang keyakinan pelabur atau 'financier'. Perbelanjaan yang mencukupi untuk prototaip yang baik bukanlah satu pembaziran.

9. Langkah begini adalah perlu bukan untuk pasaran antarabangsa sahaja tetapi juga untuk pasaran tempatan kerana rakyat Malaysia kini adalah masyarakat yang lebih tinggi tahap kesedaran dan pendedahan mereka. Pihak pengeluar barangan tidak boleh lagi menganggap pengguna Malaysia sebagai pengguna kelas kedua berbanding dengan pengguna antarabangsa. Mereka kini turut menuntut barangan dan perkhidmatan yang bermutu, setanding dengan nilai yang perlu mereka bayar. Sebenarnya masyarakat Malaysia lebih kritikal kerana mereka masih menganggap barangan dari luar negeri sebagai lebih baik daripada barangan tempatan.

10. Dengan ini saya harap semua pihak yang terlibat, baik syarikat kecil atau syarikat korporat, akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengambil langkah-langkah yang lebih menyeluruh ke arah meningkatkan mutu dan nilai barangan Malaysia. Program-program, baik dari peringkat konsep hingga ke peringkat pengeluaran ataupun pemasaran, harus dibuat dengan teliti dan jitu.

11. Masanya sudah lama tiba bagi pengeluar tempatan

menerima piawaian atau 'standard' antarabangsa sebagai 'standard' nasional. Dengan itu kita perlu menganggap syarat-syarat mutu antarabangsa sebagai cabaran yang mesti kita atasi dan kita buktikan kepada masyarakat dunia bahawa Malaysia juga mampu bersaing dengan pengeluar-pengeluar terbaik antarabangsa.

12. Label 'Made in Malaysia' yang dipasang pada barangan buatan Malaysia hendaklah menjadi jaminan kepada pengguna seluruh dunia bahawa barangan itu berkualiti tinggi. Apabila label 'Made in Malaysia' sudah dapat diterima, separuh daripada masalah pemasaran sudah diatasi. Justeru itu, kos yang tinggi di peringkat awal untuk menentukan barangan Malaysia mempunyai 'standard' yang tinggi adalah wajar dan menguntungkan. Mereka yang cuba mengeluar dan mengeksport barangan yang 'sub-standard' sepatutnya dihalang dan dihukum kerana mereka menjejaskan kredibiliti barangan lain dari Malaysia. Pencipta dan perekaperlu sentiasa berwaspada dan menerima ujian yang ketat bagi segala ciptaan mereka. Apa yang dikehendaki ialah penerimaan oleh dunia akan semua barangan ciptaan dan keluaran Malaysia sebagai bermutu dan menepati diskripsi.

13. Mungkin SIRIM, yang setakat ini memainkan peranannya menentukan mutu pengeluaran barangan tempatan akan terus mengkaji dan meningkatkan 'standard' yang ditetapkan dan diberi kuasa ke atas kelayakan barangan untuk eksport.

14. Saya yakin kita mampu melaksanakan apa sahaja yang dilakukan oleh negara-negara maju. Contohnya, kejayaan kita di Geneva baru-baru ini. Antara rekacipta yang menang di pameran antarabangsa itu ialah ciptaan 'smart lamp'.

15. Dalam hubungan ini saya berasa bangga kerana kejayaan syarikat ini adalah juga menerusi MINDS. Ini menunjukkan bahawa bukan syarikat-syarikat besar sahaja yang mempunyai kemudahan penyelidikan yang boleh menghasilkan sesuatu yang baru tetapi juga syarikat-syarikat kecil.

16. MINDS, sejak 1989, telah membuktikan bahawa Malaysia mempunyai ramai perekacipta dan perekabentuk. Melalui Malaysian Invention and Design Society Exhibition (MINDEX), Malaysia telah berjaya menonjol beberapa bakat yang mampu menunjukkan daya kreatif dan kemampuan ahli-ahlinya.

17. Daya kreatif seseorang itu sebenarnya tiada batasnya. Ia tiada batasan agama, bangsa atau budaya. Sesiapa sahaja boleh menjadi seorang perekacipta dan perekabentuk. Semoga MINDEX akan dapat terus mencungkil bakat-bakat yang terpendam.

18. Saya berharap perekacipta-perekacipta perseorangan akan mengambil inisiatif untuk memahami undang-undang yang melindungi rekacipta atau rekabentuk yang mereka hasilkan. Mereka harus berwaspada supaya keuntungan yang mereka dapati daripada ciptaan mereka tidak dikaut oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu mereka juga harus ingat

bahawa tanpa kecekapan 'commercialisation' dan teknologi pengeluaran, ciptaan mereka tidak akan mendatangkan apa-apa hasil. Justeru itu, mereka harus sanggup berkongsi pendapatan daripada rekaan mereka.

19. Malaysia mempunyai undang-undang 'patent' dan 'copyright' tersendiri. Mereka yang terlibat dalam rekacipta dan rekabentuk perlulah mengambil berat terhadap setiap perkembangan terbaru tentang 'patent' dan 'copyright'.

20. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi daya usaha dan pengeluaran rakyat Malaysia. Bagi mereka yang terlibat dalam bidang rekacipta dan rekabentuk, Kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun melancarkan Yayasan Rekacipta.

21. Peruntukan kewangan memang disediakan oleh Kerajaan. Tetapi saya harap sektor swasta juga akan turut memainkan peranan mereka dalam menyumbang kepada yayasan ini.

22. Adalah juga diharapkan bahawa sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam perkembangan sains dan teknologi serta penyelidikan. Kita perlu mewujudkan masyarakat yang lebih prihatin kepada bidang yang penting dalam pembangunan teknologi dan ekonomi negara ini.

23. Saya berharap lebih ramai lagi, baik individu mahupun badan korporat, dapat memberi sokongan di masa-masa akan datang dalam usaha murni ini. Saya yakin dan percaya kita akan terus bersatu dalam usaha kita untuk memajukan Malaysia. Insya-Allah satu hari nanti, kita akan melahirkan satu generasi yang mempunyai daya cipta dan daya inovasi yang tinggi dan akan menolong mengukir nama Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa.